

Article Info:

Published Date: 19 October 2022

*Corresponding Author: enfendi@uitm.edu.my

Apresiasi Seni Pameran Solo Aznan Omar: Mencetak Satira

Art Appreciation Aznan Omar's Solo Exhibition: Printing Satire

*Noor Enfendi Desa¹, Noor A'yunni Muhamad², Mohd. Fawazie Arshad³, Izzal Khairi Ramli⁴

^{1,2,3}Pengajian Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

⁴Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

To cite this article (APA): Desa, N. E., Muhamad, N. A., Arshad, M. F., & Ramli, I. K. (2022). Art Appreciation Aznan Omar's Solo Exhibition: Printing Satire. *KUPAS SENI*, 10(2), 22–29. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.3.2022>

ABSTRAK

Karya seni mempunyai makna yang tersendiri berdasarkan idea yang ingin dikongsi atau disampaikan oleh seseorang seniman. Penulisan ini, akan mengulas dan membincangkan tentang apresiasi seni berdasarkan karya yang dipersembahkan melalui Pameran Solo, Aznan Omar: Mencetak Satira yang telah berlangsung pada 23 Julai hingga 06 Ogos 2011. Pameran ini telah diadakan di House of Matahati (HOM). Karya-karya beliau yang dipersembahkan menggunakan teknik tuangan logam atau *Lost-wax Casting*. Dalam penghayatan makna, dua karya dipilih secara rawak untuk di perbincangkan. Penulisan ini menggunakan kaedah pendekatan ikonografi dalam seni yang telah diperkenalkan oleh Erwin Panofsky, bagi penghayatan yang lebih jelas dalam apresiasi seni. Erwin Panofsky telah memperkenalkan tiga peringkat dalam menghayati dan juga memahami karya seni dari sudut ikonografi. Tiga peringkat menghayati karya seni tersebut, adalah yang pertama pra- ikonografi, yang kedua analisi ikonografi dan yang ketiga adalah tafsiran ikonologi. Hasil penulisan ini akan menerangkan tentang kefahaman ikonologi sebagai sebahagian daripada pengenalan sesuatu subjek, dan kefahaman tentang ikonografi yang lebih kepada deskripsi dan klasifikasi sesuatu subjek dalam seni. Karya-karya Aznan Omar yang dipersembahkan dalam pameran solo ini, bersifat satira dapat dihayati dengan kefahaman yang telah ditakrifkan.

Kata kunci: menghayati ,makna, satira ,ikonografi

ABSTRACT

Artworks carry their own meaning based on the idea that an artist wants to share or convey. In this writing, there will be a discussion about art appreciation of the artworks which have been presented in the solo exhibition of Aznan Omar: Mencetak Satira which took place from July 23rd, 2011, to August 6, 2011. This art exhibition was held at the House of Matahati (HOM). His artworks are presented using the technique of metal casting or lost-wax casting. In the appreciation of artwork, two sculptures are randomly selected to be discussed. This writing uses the iconographic approach to art that has been introduced by Erwin Panofsky for a clearer understanding of art appreciation. From an iconographic point of view, Erwin Panofsky has developed three levels of appreciation and understanding of works of art. The three levels of appreciation include: pre-iconography; the second is iconographic analysis; and the third is iconological interpretation. The outcomes from this discussion will explain the understanding of iconology as part of the identification of items and iconography, which is more of the description and classification of subjects in art. Aznan Omar's

artworks presented in this solo exhibition, satirical in nature, can be appreciated with the understanding that has been defined.

Keywords: appreciate, meaning, satire, iconography

PENGENALAN

Tuangan logam ialah satu proses di mana cairan logam dituang ke dalam acuan mengikut bentuk yang dikehendaki. Tuangan (*casting*) adalah salah satu proses pembentukan logam tertua, dan teknologi tuangan logam menjangkau hampir 5500 tahun SM, atau 7500 tahun dahulu. Emas merupakan logam pertama untuk ditemui dan dibentuk mengikut kemahuan manusia prasejarah. Orang Cina menghasilkan tuangan besi sekitar 1000 SM, manakala keluli telah dibuat di India kira-kira 500 SM. Empat elemen utama diperlukan dalam proses penuangan: bentuk /corak, acuan, teras dan hasil kerja. Bentuk atau corak, adalah templat asal acuan disediakan, membuat rongga yang sesuai dengan bahan tuangan. Teras digunakan untuk menghasilkan terowong atau lubang dalam acuan siap, dan hasil kerja adalah hasil akhir proses. Tuangan logam dibiarkan seketika sehingga mengeras atau menjadi pejal. Setelah selesai hasil tuangan dikeluarkan daripada acuan dan dibuat kerja-kerja kekemasan.

Dalam penghasilan karya seni, teknik tuangan logam dikenali sebagai, “*Lost-wax –Casting*” atau “*cire perdue*” yang berasal daripada bahasa Perancis iaitu proses yang menggunakan arca logam pendua kebiasaananya perak, emas, loyang atau gangsa, yang melalui proses buangan daripada arca asal. Lilin yang dihasilkan berdasarkan model asal pengkarya, akan melalui proses pembakaran bagi mengeluarkan atau menghilangkan lilin yang berada didalam acuan atau “*Investment mold*”. Kesan daripada proses mengeluarkan lilin tersebut, akan meninggalkan rongga atau ruang kosong di dalam “*investment mold*”. Ruang tersebut dipenuhi dengan cairan logam. Karya seni mempunyai nilai estetika tersendiri mengikut persepsi seseorang seniman bagaimana untuk menyampaikannya kepada masyarakat. Karya seni terhasil daripada tindak balas pemikiran seniman untuk menyampaikan apa yang berlebar dalam fikiran mereka (Noor Enfendi Desa, et al 2021). Karya seni boleh baca dan difahami melalui proses penghayatan yang mendalam atau lebih dikenali sebagai ‘Apresiasi Seni’. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, Apresiasi bermaksud pengiktirafan serta peghayatan nilai terhadap sesuatu karya sastera atau karya seni. Apresiasi seni merupakan prinsip asas dalam bahasa tampak bagi mentafsir karya seni dengan merujuk atau tidak merujuk kepada penggunaan subjek kajian, simbol, atau latar belakang sejarah, untuk kefahaman dan penghayatan karya seni. Apresiasi seni adalah aktiviti menonton, menghayati atau apresiasi seni juga merupakan sebahagian bidang kritikan seni (Johari,2007). Manakala Zakaria Ali (1998) pula menyatakan penghargaan atau apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya melalui deria pandangan dan sentuh. Melalui penghatayian ini sesebuah karya seni boleh diahami dan dihargai dengan jelas.

Pameran solo Aznan Omar, “Mencetak Satira” mempamerkan karya-karya arca dengan menggunakan bahantara aluminium dan teknik tuangan logam atau ‘*Lost- Wax- Casting*’. Beliau menggunakan satira dalam penekanan mesej yang hendak disampaikan. Perkataan Mencetak Satira, adalah gabungan perkataan Mencetak dan perkataan Satira. Mencetak diambil dari kata dasar Cetak iaitu proses memindahkan imej atau bentuk dengan menggunakan blok, atau acuan. Menurut Kamus Dewan cetak adalah, cap (tanda, huruf) pada kertas atau pada kain. Menuang sesuatu (logam) ke dalam acuan juga ditakrifkan sebagai proses mencetak. Satira adalah istilah pada asalnya digunakan dalam bidang kesusteraan iaitu dalam bentuk sindiran atau mempersendakan sesuatu. Penyampaian satira digambarkan dengan sesuatu yang lain dan tidak menyampaikan maksud secara menerus. Satira suatu konsep perancangan ungkapan dan mengenal pasti hubungan atau benda-benda yang bersifat mujarad daripada sifat yang sebenar. Merujuk kepada konteks alam Melayu, seni tradisional Melayu masih mengekalkan kepentingan adab, kehalusan santun budi, wujud juga sifat satira dalam bentuk yang halus dan tajam tetapi bermakna. Konsep atau perkataan satira dalam pemikiran Melayu boleh diketengahkan melalui konsep ibarat, sindir, senda, kias, camdik, atau lebih keras dan erotik; pukas (Safrizal Shahir, 2011).

Apresiasi Seni

Apresiasi adalah penilaian subjektif dengan maksud yang baik dan penghargaan untuk karya sastera atau seni yang positif. Berasal dari Bahasa Inggeris iaitu "to appreciate" adalah bermaksud menghargai, menilai dan faham. Hal ini, merujuk kepada penghargaan atau pengamatan terhadap sesebuah karya seni. Menurut Rondhi (2017), Apresiasi seni berasal dari kata "apresiasi" iaitu penghargaan atau proses yang dilakukan oleh seseorang untuk mencari atau menentukan harga atau nilai sesuatu objek atau peristiwa, manakala "nilai" ialah kualiti atau potensi yang ada pada objek atau kejadian yang dianggap berharga bagi penilai. Ianya juga boleh ditakrifkan sebagai kajian mengenai artis atau pengkarya dalam menghasilkan karya seni mereka. Merangkumi pemilihan subjek kajian , atau tema yang di ketengahkan cara penghasilan serta penggayaan dalam penyampaian karya. Prasasto et.al (2021) perpendapat, apresiasi seni memberi manusia peluang untuk menjadi sensitif terhadap manusia lain, bermula daripada memahami sifat, perasaan, obsesi dan mesej daripada artis.

"Apresiasi faham dan sedar sepenuhnya selok belok karya seni serta peka terhadap aspek di dalamnya, supaya anda boleh menikmati dan menilai hasil kerja dengan betul. Keupayaan untuk memerhati dan bertindak balas terhadap karya seni atau bentuk visual atau teks yang dalam karya tersebut hanya keupayaan untuk mencatat ciri-ciri (atau data) yang terdapat dalam objek, walau bagaimanapun lebih daripada itu, keupayaan untuk mencari kandungan objek menjadi penting. Beberapa perkara yang penting dalam memerhati atau menghargai karya seni sering memerhati (persepsi keteguhan), maklumat latar belakang, keadaan psikologi semasa memerhati karya seni".

Wan R. H (2017), Susanto (2003)

Menurut Wan (2017) apresiasi bererti menerima, menghargai melalui proses yang melibatkan rasa dan fikir. Apresiasi seni bukan sahaja melibatkan pandangan, malah turut melibatkan deria rasa dan sentuhan dalam memahami maksud sesuatu karya. Menurut Rosiah et.al (2019), Menerusi bahasa visual, sesebuah karya seni menyediakan maklumat yang berbeza dari segi makna, bergantung pada kepekaan dan pengetahuan audiens tentang seni rupa itu sendiri. Apresiasi seni bertindak sebagai cara berkomunikasi dalam penyampaian makna bagi sesebuah karya seni. Apresiasi seni bertujuan untuk memberi kefahaman terhadap nilai estetika dalam menghayati sesebuah karya seni. Disamping itu juga, memberi kefahaman tentang kewujudan unsur dan prinsip seni, dan juga faktor sosiobudaya yang tersirat disebalik sesebuah karya. Ini dapat dilihat melalui kefahaman dan kepercayaan seseorang tentang penghargaan bagi sesebuah karya seni.

Latar Belakang: Aznan Omar


Aznan Omar merupakan seorang artis yang berasal dari Alor Star, Kedah dan dilahirkan pada tahun 1973. Beliau kini berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA, Kampus Cawangan Perak. Pendidikan di peringkat Diploma Seni Halus pada tahun 1996 di Institut Teknologi MARA (ITM), kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Universiti Teknologo MARA pada tahun 2000. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana dalam Seni Alam Sekitar di Manchester Metropolitan University, UK pada tahun 2008. Beliau begitu aktif dalam penglibatan pertandingan seni antaranya Philip Morris Art Awards (2000 dan 2003), Anugerah Bakat Muda Sezaman anjuran Balai Seni Lukis Negara (2000 dan 2004). Beliau juga aktif berpameran didalam Negara mahupun peringkat antarabangsa.



Rajah 1. Aznan Omar

METODOLOGI

Kaedah apresiasi karya seni yang digunakan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kaedah kajian kualitatif yang lebih memfokuskan kepada aspek pemahaman teori.



Rajah 2. Carta Aliran Proses Penghasilan Penulisan Apresiasi Karya Seni Arca Aznan Omar.

Penulisan ini akan mengikut garis panduan penghayatan karya seni yang telah diperkenalkan oleh Erwin Panofsky. Erwin Panofsky telah memperkenalkan tiga peringkat dalam menghayati dan juga memahami karya seni dari sudut ikonografi. Ikonografi adalah menerangkan tentang deskripsi dan klasifikasi, manakala ikonologi adalah pengenalan; Erwin Panofsky (1955). Beliau mendefinisikan ikonografi sebagai "prinsip terkenal di dunia yang diketahui", sementara ikonologi adalah "ikonografi berubah menjadi tafsiran", (Andrew Tudor, 1974). Ikonografi membincangkan dan menerangkan tentang penggunaan objek atau tanda dan penyampaian makna yang diterima. Namun begitu, pemahaman terhadap objek atau tanda dan penyampaian makna tertakluk kepada penerimaan budaya setempat (Noor Enfendi Desa, et al 2021). Tiga peringkat penarikan makna yang perkenalkan oleh Panofsky dalam menerangkan maksud sesebuah karya seni, iaitu yang pertama adalah pra-ikonografi. Pra-ikonografi peringkat untuk mengenal pasti makna utama (*primary*) termasuklah keaslian rupa bentuk karya yang merangkumi garisan, rupa, bentuk, jalinan dan warna bagi mewakili objek semula

jadi. Manakala peringkat kedua adalah perbincangan berkenaan analisis ikonografi bagi mengkaji makna dan pematuhan garis panduan yang di perakui oleh penggiat seni. Analisis dibuat berdasarkan kepada sumber kajian lampau. Di peringkat ini, lebih menumpukan kepada makna yang dikaitkan dengan imej, sejarah, dan juga perumpamaan. Tafsiran ikonologi di tetapkan pada peringkat yang ketiga bagi mendalami karya seni dengan mendedahkan kandungan makna yang ingin disampaikan. Pendekatan ikonografi untuk karya seni adalah mempertimbangkan makna subjek kajian (Schneider-Adams, 1996). Daripada gabungan ketiga-tiga peringkat garis panduan yang diperkenalkan oleh Panofsky dapat disimpulkan satu cara penterjemahan dan penghayatan karya seni dengan lebih mendalam terhadap sesuatu karya. Ia merupakan fasa untuk memahami bahasa ekspresif yang disampaikan oleh pengkarya dalam menggambarkan penceritaan karya seni mereka. Menurut Jones (2008), ia berkait rapat dengan penerokaan idea atau memahami perkaitan peristiwa tertentu dalam naratif karya seni.

Karya Pilihan

Dua buah karya dipilih secara rawak, berdasarkan pameran Solo Aznan Omar: Mencetak Satira. Huraian terhadap karya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu objek natural (*primary*), objek sokongan (*sekunder*) dan yang ketiga adalah makna nilai atau isi yang tersirat. Langkah penghayatan dimulakan dengan peringkat yang pertama iaitu menyenaraikan objek natural dalam persembahan karya seni tersebut. Objek natural terbahagi kepada dua iaitu fakta dan ekspresi. Segala objek yang natural perlu disenaraikan termasuklah manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, rumah, dan peralatan. Makna juga boleh diterjemahkan melalui penggunaan objek natural bagi menggambarkan perasaan. Di peringkat ini turut dikenali sebagai pra-ikonografi. Seterusnya, huraian makna perlu dilihat melalui penggunaan objek sokongan atau sekunder. Pada peringkat ini, makna dan peristiwa di terjemahkan. Penggunaan objek yang sesuai dipadankan dengan gambaran peristiwa yang ingin dipersembahkan. Merujuk kepada penyusunan komposisi turut berperanan penting dalam penyampaian maksud karya. Mengupas makna intrinsik atau kandungan yang tersirat di letakkan pada peringkat yang terakhir. Pada peringkat ini, dapat kita mengetahui keperibadian seseorang melalui karya. Kaedah persembahan komposisi dan ikonografi dalam karya ditegaskan amat berperanan penting. Ikonografi adalah satu cara penghayatan sebalik karya dan mempunyai makna yang intrinsik.

Karya 1



Rajah 3. "Kami Bukan Along Kami Mau Nolong", 2010, Tuangan Aluminium , 28 x 9 x 21cm.

Figura 3, mempersembahkan karya yang bertajuk “Kami Bukan Along Kami Mau Nolong”, dihasilkan pada tahun 2010 dengan menggunakan teknik tuangan logam atau *lost-wax casting*. Karya ini bersaiz 28 x 9 x 21 cm iaitu saiz sebenar sebilah pisau. Aznan Omar menggunakan pisau sebagai objek utama beliau. Amnya, seperti yang pisau adalah objek kegunaan harian yang digunakan untuk memotong, mengerat atau menetak. Pra-ikonografi ditonjolkan kepada bentuk asal sebilah pisau. Penggunaan tipografi pada bilah pisau menunjukkan persembahan objek sekunder. Komposisi tipografi dipadankan pada bilah mata pisau. Gaya persembahan tipografi dalam karya ini adalah simbolik sinis kepada pengiklanan Syarikat Pemberi Pinjaman Wang Berlesen yang semakin membimbangkan. Satira yang ingin disampaikan pada oleh Aznan Omar melalui karya ini adalah besifat sinis. Moto sesetengah syarikat pemberi pinjaman wang “kami bukan along kami mau nolong” dipadankan pada bilah pisau seolah-olah suatu ancaman atau teguran dalam bentuk sinis. Gabungan pisau dengan tipografi memperlihatkan gaya persembahan karya yang mudah difahami dengan jelas.

Karya 2



Rajah 4. “Perasap”, 2010, Tuangan Logam, 15 x 59 x 10 cm.

Karya yang bertajuk “Perasap” dihasilkan pada tahun 2010, juga menggunakan teknik tuangan logam. Karya ini bersaiz 15 x 59 x 10cm mengikut kepada saiz ukuran sebenar. Karya ini memperlihatkan tangan manusia dan bekas untuk membakar kemenyan sebagai objek utama. Aznan Omar memperlihatkan aktiviti pemujaan dalam persembahan karya. Penampakan gumpalan asap, kelihatan pada karya adalah penggunaan objek sekunder. Perasap adalah ganti nama pada aktiviti pemujaan. Kombinasi komposisi jelas dapat kelihatan dalam menyampaikan makna. Gambaran aktiviti pemujaan di persembahkan dalam karya “Perasap”, adalah simbolik kepada sindiran terhadap masyarakat yang masih mempercayai dan mempraktikkan aktiviti tersebut. Tujuan perasap atau pemujaan ini adalah supaya segala urusan diper mudahkan. Aznan Omar menyampaikan satira yang bersahaja dengan mengaitkan aktiviti yang sinonim dengan masyarakat yang mempercayainya.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan karya pilihan yang di pilih secara rawak dalam pameran solo Aznan Omar, dapat dilihat dengan jelas penyampaian satira atau sindiran dalam bentuk seni tampak dapat diterjemahkan dalam masyarakat sosial. Idea penyampaian konsep satira amat bertepatan dengan konteks peredaran seni sezaman. Satira diperjelaskan melalui penggunaan subjek kajian dan dipadankan dengan tajuk karya yang bersesuaian berupaya menarik perhatian penonton untuk memahami makna yang ingin disampaikan secara ringkas. Gabungan sifat bahantara utama penghasilan arca beliau, iaitu aluminium dengan tema satira amat berkesan. Aluminium di angkat sebagai bahantara yang sesuai dengan ciri karakteristik yang lebih anjal untuk dibentuk mengikut acuan yang telah ditetapkan. Teknik tuangan logam amat bersesuaian bagi mempersempahkan bentuk yang realistik. Salinan atau mencetak semula mengikut acuan yang dikehendaki jelas diterjemahkan dalam tema pameran solo ini iaitu “Mencetak Satira”.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan penghayatan yang telah dibuat terhadap karya-karya oleh Aznan Omar, dalam mempersempahkan satira dalam bentuk karya seni. Ia adalah rangkuman dan halatuju pameran solo beliau. Satira disampaikan dengan penggunaan ikon dan simbol yang bermakna. Penggunaan objek sebagai pengganti bahasa pengantar dalam menyampaikan satira. Karya-karya yang dipersembahkan dalam pameran solo ini, adalah tindak balas atau biasan beliau terhadap ragam, situasi atau perlakuan oleh masyarakat sekitar. Pada keseluruhan karya-karya Aznan Omar masih relevan dalam penerimaan seni arca di Malaysia. Idea terhadap tema satira amat bertepatan dengan penerimaan budaya Malaysia.

KESIMPULAN

Karya pilihan dipilih secara rawak dan dinilai secara progresif dengan menggunakan tiga peringkat penterjemahan karya seni yang diperkenalkan oleh Erwin Panofsky bagi memberi kefahaman sepenuhnya maksud yang ingin disampaikan. Daripada pendekatan kaedah ini, sedikit sebanyak memberi panduan kepada masyarakat untuk memahami sesbuah karya di sebalik maksud tersirat yang ingin disampaikan. Apresiasi karya seni dapat menyumbang kepada dunia penulisan akademik dan dijadikan rujukan dalam penulisan ilmiah berkenaan perkembangan seni Malaysia pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Katalog Pameran. (2011). Katalog Pameran Solo Aznan Omar: Mencetak Satira., Ampang, Selangor: House of Matahati.
- Baharom, N. (2007). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin, M. I., Soon, S., Lee, L., Sahibil, Z., & Saad, M. L. I. H. M. (2019). Teori dan Kaedah Analisa Terhadap Nilai Apresiasi Motif Reka Corak Tradisional Melayu: Satu Perbandingan Umum. International Journal of Heritage, Art, and Multimedia, 2(5), 56-71.
- Barrett, T. (1994). Criticizing Art: Understanding the Contemporary. Mountain View: Mayfield Publishing Company. California.
- Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, Quantitative & Mixed Methods Approaches. California: SAGE Publication Inc.
- Desa, N. E., Syed Abu Bakar S. A., & Muhammad N. A. (2020). The Basis of Art Appreciation Ideology Journal, Vol. 5, Perak: UiTM Press, 97-106
- Desa, N.E., Muhamad, N.A., & Syed Abu Bakar, S.A, (2021). Asas Apresiasi Seni Dari Perspektif Formalistik,Rupa Dan Makna. Gendang Alam. Gendang Alam, Jilid 11 (2), Universiti Malaysia Sabah: Sabah,11 (2), 97-112.
- Djawwasih, H.R. & Saidon, Z.L. (2020). Artistic Research: Artistic as Research vs Artistic as Method. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Pg. 292 – 309

Art Appreciation Aznan Omar's Solo Exhibition: Printing Satire

<http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i11/8091>

- Edmonds, W.E.& Kennedy T.D. (2017). An Applied Guide to Research Designs: Quantitative, Qualitative, and Mixed Methods. Second Edition, United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Feldman, E. B. (1994). Practical Art Criticism. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Husen, W.R. (2018). Pengembangan Apresiasi Seni Rupa Siswa Sekolah Dasar Melalui Pendekatan Kritik Seni Pedagogik. Vol.2 No.1 (2017): NATURALISTIC: Jurnal Kajian Penelitian dan Pendidikan dan Pembelajaran. <https://journal.umtas.ac.id/index.php/naturalistic/article/view/100/439>
- Ishiguro, C. & Okada, T. (2019). How does art appreciation promote artistic inspiration? Conference: Cognitive Science Society.https://www.researchgate.net/publication/332978268_How_does_art_appreciation_promote_artistic_inspiration
- Ismail, I. & Jusilin, H. (2020). Seni Visual Dalam Konteks Gejala Sosial di Malaysia: Interpretasi Simbolik Pada Karya Catan Fawwaz Sukri. Gendang Alam. Gendang Alam, Jilid 10, Universiti Malaysia Sabah: Sabah, 159-174.
- Leavy, P. (2017). Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based, and Community-Based Participatory Research Approaches. New York: THE GUILFORD PRESS
- Mohd Johari, A. H. (2007). Falsafah dan kritikan seni. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhamad, N.A, Tahir, A. Desa, N.E, (2021). Art Appreciation: The Expression of Etching in Printmaking through Mohd Fawazzie Arshad's Artwork. Ideology Journal, Volume 6 (1), Perak: UiTM Press, 35-42.
- Noor, R.M, & Khairani, M.Z. (2019). Tinjauan Terhadap Pendekataan Apresiasi Dan Kritikan Seni Dalam Memahami Karya Seni Rupa. Gendang Alam, Jilid 9, Universiti Malaysia Sabah: Sabah,109-119.
- Ocvirk, O. G., Stinson, R. E., Wigg, P. R., Bone, R. O., & Cayton, D. L. (2009). Art fundamentals theory and practice (11th ed.). New York: McGraw Hill.
- Panofsky, E. (1955). Meaning in the visual art. Garden City, NY: Doubleday Anchor Books.
- Rondhi, M. (2017), Apresiasi Seni dalam Konteks Pendidikan Seni, Journal Imajinasi, 11(1). <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/imajinasi/article/view/11182/6726>
- Salam, S., Sukarman, Hasnawati, & Muhamimin, M. (2020). Pengetahuan Dasar Seni Rupa. Universitas Negeri Makassar: Percetakan MEDIA SEMBILAN SEMBILAN
- Satwiko, P., Sunarya, W., Suwarno, N., Yudhatama, S. (2021), Apresiasi Estetika 1. Yogyakarta: Cahaya Atma Pustaka.
- Soewarlan, S. (2015). Membangun Perspektif: Catatan Metode Penelitian Seni. Jebres, Surakarta: ISI Press.
- Sidek, F. (2015). 40 Tahun Anugerah Bakat Muda Sezaman. Dewan Budaya (pp. 48-51).
- Subramaniam, M., Hanafi, J., & Putih, A.B. (2016). Malaysian Online Journal of Educational Technology, 4 (1), 57-67.